

**TAHAP EFIKASI KENDIRI PELAJAR PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK,  
UNIVERSITI MELAKA**

**Syarinah Mad Sehat  
Nurdiyana Tasripin  
Norsyazwanie Mohamad Zamal  
Universiti Melaka**

*Corresponding Author's Email: [syarinah@unimel.edu.my](mailto:syarinah@unimel.edu.my)*

***Article History:***

*Received : 22 November 2022*

*Accepted : 2 December 2022*

*Published : 31 December 2022*

**ABSTRAK**

Efikasi sendiri mempunyai pengaruh terhadap personaliti seseorang. Manusia akan sentiasa aktif berinteraksi dengan persekitaran, berupa memerihalkan peristiwa, kemudian membuat pilihan untuk bertindak. Efikasi sendiri menentukan pilihan terhadap aktiviti, daya usaha dan kesungguhan dalam menghadapi cabaran yang ada. Semakin tinggi tahap efikasi sendiri, manusia akan memilih untuk aktiviti yang mencabar, lebih cekal dan tidak mudah putus asa semasa menghadapi rintangan atau pengalaman yang pahit. Kajian ini bertujuan untuk (1) mengenal pasti tahap efikasi sendiri pelajar daripada aspek akademik, sosial dan emosi, (2) mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap efikasi sendiri pelajar. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan yang melibatkan seramai 150 orang pelajar dari semester tiga hingga semester enam dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik diagihkan menggunakan aplikasi *Google Form*. Dapatan kajian dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan statistik inferens. Hasil analisis menunjukkan bahawa skor min keseluruhan bagi ketiga-tiga aspek tahap efikasi sendiri bagi akademik mempunyai skor min 4.03, efikasi sendiri sosial mempunyai skor min 4.15 dan skor min bagi efikasi sendiri emosi ialah .74. Kesemua skor min bagi ketiga-tiga aspek yang dinilai mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Hasil dapatan kajian ini dapat dijadikan panduan bagi pihak pensyarah dalam usaha meningkatkan efikasi sendiri pelajar agar lebih berkeyakinan dalam melakukan menjalani latihan praktikal dan dapat mengoptimumkan kualiti bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak.

**Kata Kunci:** Efikasi Kendiri Akademik, Efikasi Kendiri Sosial, Efikasi Kendiri Emosi, Pendidikan Awal Kanak-kanak

## ***SELF- EFFICACY LEVEL OF EARLY CHILDHOOD EDUCATION STUDENTS, MALACCA UNIVERSITY***

### ***Abstract***

*Self efficacy has an influence on a person's personality. Humans will always actively interact with the environment, in the form of describing events, then making choices to act. Self efficacy determines the choices of activities, effort and seriousness in facing existing challenges. The higher level of self efficacy, people will choose challenging activities, be more tenacious and not give up easily when facing obstacles or bitter experiences. This study aims to (1) identify the level of student self efficacy from the academic, social and emotional aspects, (2) identify the factors that contribute to the level of student self-efficacy. This study is a quantitative study using a survey method involving a total of 150 students from semester three to semester six by using a questionnaire. The questionnaire was distributed using the Google Form application. The findings of the study were analyzed using descriptive statistics and inferential statistics. The results of the analysis show that the overall mean score for the three aspects of academic self efficacy has a mean score of 4.03, social self efficacy has a mean score of 4.15 and the mean score for emotional self efficacy is .74. All the mean scores for the three aspects evaluated have a high level of self efficacy. The results of this study can be used as a guide for lecturers in an effort to improve the self efficacy of students so that they are more confident in undergoing practical training and can optimize the quality of Early Childhood Education.*

***Keywords:*** *Academic Self-Efficacy, Social Self-Efficacy, Emotional Self-Efficacy, Early Childhood Education.*

## **PENGENALAN**

Pembentukan guru berkualiti bermula sejak bakal guru berada dalam program pendidikan guru. Menurut Normiati Batjo dan Abdul Said Ambotang (2019) kualiti seorang guru merupakan sumbangan paling tinggi dalam menentukan kejayaan seorang murid. Kejayaan seseorang pelajar itu akan menaikkan imej sesebuah pusat pendidikan. Hal ini menunjukkan efikasi sendiri bakal guru juga merupakan elemen yang dapat menjadi pemangkin kepada pembentukan guru yang berkualiti. Efikasi sendiri merupakan keyakinan dan keupayaan sendiri yang perlu ada pada setiap individu khususnya pelajar supaya mereka berupaya untuk menghadapi sebarang bentuk tugas dan cabaran yang bersesuaian dengan kemahiran. Menurut Al-Abyadh dan Abdel Azeem (2022), pelajar yang berjaya bukan sekadar mempunyai teknik pembelajaran yang lebih berkesan dan cekap untuk memperoleh dan menggunakan maklumat. Mereka juga boleh memotivasikan, menilai, dan menyesuaikan tingkah laku jika mereka tidak belajar dengan betul. Edgar et al., (2019) menyatakan motivasi dan efikasi sendiri pelajar telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kejayaan pelajar di peringkat pengajian tinggi dalam menentukan pelajar untuk terus kekal dalam jurusan yang dipilih serta mempengaruhi kejayaan yang bakal diperolehi. Memilih bidang yang bersesuaian dengan minat seseorang pelajar mampu menjadikan dorongan yang positif dalam menghasilkan pelajar yang bermotivasi.

Sehubungan dengan itu, efikasi sendiri mempunyai pengaruh terhadap personaliti seseorang. Manusia akan sentiasa aktif berinteraksi dengan persekitaran, berupa memerihalkan peristiwa, kemudian membuat pilihan untuk bertindak. Efikasi sendiri menentukan pilihan terhadap aktiviti, daya usaha dan kesungguhan dalam menghadapi cabaran yang ada. Semakin tinggi tahap efikasi sendiri, manusia akan memilih untuk aktiviti yang mencabar, lebih cekal dan tidak mudah putus asa semasa menghadapi rintangan atau pengalaman yang pahit (Travis dan Bunde, 2022). Berdasarkan pada pemerhatian, pelajar sering bersikap pasif di dalam kelas dan tidak dapat membuat tugas dengan baik. Sikap berdiam diri, enggan memberikan pendapat dan kurang keyakinan semasa melakukan pembentangan yang dipamerkan oleh pelajar adalah sangat membimbing kerana semua pelajar ialah bakal guru pendidikan awal kanak-kanak. Hal ini kerana terdapat hubungan yang sangat lemah antara efikasi sendiri dan motivasi terhadap pencapaian akademik pelajar (Zainuddin dan Mydin Kutty, 2021). Dapatan ini menunjukkan bahawa tahap efikasi dan tahap motivasi turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi memberikan pengetahuan kepada bakal guru yakni pelajar berkenaan kepentingan efikasi sendiri dan juga kepada para pensyarah untuk merancang sesuatu yang lebih teliti dan selanjutnya dapat meningkatkan tahap efikasi sendiri pelajar.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Menentukan tahap efikasi sendiri pelajar daripada aspek akademik, sosial dan emosi.
2. Mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap efikasi sendiri pelajar.

## **SOALAN KAJIAN**

1. Apakah tahap efikasi sendiri pelajar dari aspek akademik, sosial dan emosi?
2. Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap efikasi sendiri pelajar?

## **SOROTAN LITERATUR**

Efikasi sendiri adalah berkaitan dengan kemahiran sosial seseorang. Bandura (1996) telah memperkenalkan efikasi sendiri ini sebagai salah satu komponen dalam teori kognitif sosial. Teori tingkah laku ini merujuk kepada kognitif secara sedar, mempunyai jangkauan matlamat, ganjaran dan penetapan keputusan. Ia juga boleh menerangkan aras keyakinan seseorang individu dalam diri mereka untuk melaksanakan sesuatu tugas yang tertentu (Bandura, 1997). Melalui teori ini juga, tingkah laku individu dapat dibentuk berdasarkan kepada proses pemikiran dan refleksi keseluruhan. Selain itu juga, teori kognitif sosial ini, boleh mempengaruhi cara individu belajar. Individu yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi, mempunyai kebolehan untuk meyakinkan dirinya untuk menempuh pelbagai cabaran, ujian, halangan dan rintangan dalam kehidupannya untuk berjaya atau mencapai sesuatu matlamat dalam jangka masa yang pendek ataupun panjang. Setiap individu perlu sentiasa percaya kepada diri sendiri. Apabila seseorang berfikiran positif dan bersemangat, mereka sebenarnya mempunyai kekuatan dan kemampuan diri sendiri dalam kehidupan seharian (Mohamed Jaafar Sadiq dan Hassan, 2021). Persekitaran yang sihat dan kondusif akan memberikan pelajar untuk lebih fokus dalam sesi pengajaran dan pembelajaran, sekali gus akan menjadi lebih baik (Amatan dan K Han, 2019).

Selain itu, individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi juga dijangka boleh bekerja dengan lebih baik dan sempurna walaupun mempunyai cabaran berbanding dengan individu yang mempunyai tahap efikasi yang rendah (Iswandi *et al.*, 2022). Individu yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi juga akan dapat bekerja dengan lebih tekun dan rajin walaupun mereka tidak pasti dengan kemampuan dan kebolehan mereka (Bandura, 1977). Pelajar yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi biasanya memotivasikan dirinya dengan rancangan dan rangsangan untuk mengelakkan dirinya daripada menghadapi kegagalan (Hamid *et al.*, 2019). Kepercayaan seseorang terhadap kompetensi mereka dalam menghasilkan sesuatu akan menyebabkan mereka lebih bersemangat dan motivasi untuk mencapai sesuatu tujuan atau matlamat (Mostafa dan Sajad, 2011). Pelajar yang mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi dikaji dapat kualiti belajar yang baik dan memiliki sifat pengawalan diri yang baik dalam pencapaian akademik. Pelajar ini akan menjalani kehidupan sebagai seorang pelajar dengan bekerjasama dan tenang. Tetapi, kajian Sarah *et al.*, (2019), mendapati bahawa pelajar yang mempunyai efikasi tinggi percaya bahawa mereka berada dalam tahap intelektual yang rendah. Mereka lebih mempersoalkan tentang kemampuannya untuk mendapat keputusan atau prestasi yang lebih baik.

Disebabkan itu, keupayaan efikasi sendiri pelajar dalam memenuhi sesuatu tuntutan tentang apa yang dipelajari juga memainkan peranan penting. Ini kerana efikasi sendiri yang dimiliki pelajar mampu membawa kepada perubahan yang lebih baik atau sebaliknya (Zainuddin dan Mydin Kutty, 2021). Penerimaan sendiri dijelaskan sebagai salah satu sikap yang positif terhadap diri sendiri dalam kesejahteraan psikologi. Mereka yang mempunyai sikap yang positif, mempunyai matlamat yang bermakna untuk mewujudkan tujuan hidup secara jelas. Memandangkan tuntutan pembelajaran yang sememangnya semakin mencabar, adalah mustahak bagi penyelidik dan pendidik untuk lebih memahami tahap kemampuan pelajar, sifat dan akibat tekanan untuk mengenal pasti dan memasukkan hanya jangkaan dan tuntutan akademik yang paling sesuai untuk pelajar iaitu pengalaman, perkembangan pembelajaran dan matlamatnya (Travis dan Bunde, 2022). Efikasi sendiri pada pelajar dapat membantu mereka dalam menentukan pilihan dan usaha untuk maju, memperoleh kegigihan dan ketekunan yang ditunjukkan melalui usahanya mencapai sasaran, serta mampu berfikiran positif pada saat menghadapi kesulitan (Zagoto, 2019). Susan *et al.*, (2019), menyatakan motivasi dan efikasi sendiri pelajar telah dikenal pasti sebagai penyumbang utama kejayaan pelajar di peringkat pengajian tinggi dalam menentukan pelajar untuk terus kekal dalam jurusan yang dipilih serta mempengaruhi kejayaan yang bakal diperolehi. Hal ini kerana, Wondu Teshome Beharu (2018) menyatakan motivasi juga merupakan titik permulaan bagi pelajar dalam usaha untuk mengekalkan momentum serta mempunyai minat berterusan dalam menghabiskan jurusan yang dipilih sehingga ke akhir pembelajaran. Teori efikasi ini terdiri daripada beberapa elemen dengan beberapa pengalaman. Elemen yang berkaitan dengan rangsangan emosi ialah elemen keadaan somatik (Jafar *et al.*, 2020). Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri diukur berdasarkan tiga aspek iaitu, akademik, sosial dan emosi terhadap pelajar Universiti Melaka.

## METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk kajian tinjauan digunakan bagi mendapatkan maklumat tentang efikasi sendiri pelajar dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. David dan Alan (2019) dan Creswell (2015) menyatakan kajian tinjauan sesuai digunakan bagi menilai tingkah laku, sikap dan pengetahuan individu dalam sesebuah organisasi. Pengumpulan data dilakukan ke atas responden melalui agihan borang soal selidik kepada para pelajar semester lima bagi meninjau tahap efikasi sendiri pelajar bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak. Borang soal selidik diadaptasi daripada instrumen kajian *Self-Efficacy Questionnaire for Children (SEQ-C)*. Terdapat dua bahagian di dalam borang soal selidik ini iaitu demografi dan efikasi sendiri. Tiga faktor yang dinilai dalam efikasi sendiri iaitu emosi, sosial dan akademik. Sampel kajian ini melibatkan 150 orang pelajar. Aplikasi *Google Form* digunakan dalam menghasilkan borang soal selidik dan disebarkan kepada responden menggunakan link aplikasi *Telegram*. Soal selidik menggunakan skala *likert* lima mata untuk mengukur tahap efikasi sendiri pelajar bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak yang di tawarkan di Universiti Melaka. Interpretasi skor min adalah merujuk kepada cadangan yang dikemukakan oleh Landell (1977) dan Mohd Najib (1994) pada Jadual 1.

**Jadual 1: Tahap Kecenderungan Skor Min**

Julat Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.67	Sederhana
3.68 - 5.00	Tinggi

**Sumber:** Landell, 1977 dan Mohd Najib, 1994)

## DAPATAN KAJIAN

### Tahap efikasi sendiri bagi aspek akademik, sosial dan emosi

Apakah tahap efikasi sendiri pelajar dari aspek akademik, sosial dan emosi? Adakah soalan kajian yang pertama dihuraikan. Dalam analisis objektif yang pertama, pengkaji ingin mengenal pasti tahap efikasi sendiri pelajar daripada aspek akademik, sosial dan emosi. Kajian dijalankan dengan menganalisis skor min menggunakan Jadual 1. Berdasarkan pada hasil analisis tahap efikasi sendiri pelajar daripada aspek akademik, sosial dan emosi pada Jadual 2, ketiga-tiga faktor memperoleh nilai skor min pada tahap tinggi. Ini menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar mempunyai efikasi sendiri yang tinggi terhadap ketiga-tiga faktor yang dilihat. Faktor bagi efikasi sendiri akademik mempunyai skor min sebanyak 4.03, efikasi sendiri sosial memperoleh skor min sebanyak 4.15, dan efikasi sendiri emosi memperoleh 3.74 skor min. Dapatan ini dikukuhkan lagi dengan analisis pada Jadual 3.

**Jadual 2: Analisis Tahap Efikasi Kendiri Pelajar Terhadap Aspek Akademik, Sosial dan Emosi**

	Faktor					
	Akademik		Sosial		Emosi	
	Min	S.D	Min	S.D	Min	S.D
Efikasi Kendiri	4.03	0.44	4.15	0.46	3.74	0.73

### **Faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap efikasi kendiri pelajar**

Apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap efikasi kendiri pelajar? Ini adalah persoalan kajian yang kedua. Hasil dapatan pada Jadual 3 menghuraikan objektif kajian yang kedua iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang menyumbang kepada tahap efikasi kendiri pelajar. Berdasarkan Jadual 3, secara keseluruhannya pelajar bidang pendidikan awal kanak-kanak mempunyai tahap efikasi kendiri yang tinggi bagi ketiga-tiga aspek iaitu akademik, sosial dan emosi. Butiran bagi analisis efikasi kendiri akademik menunjukkan kesemua item memperoleh nilai skor min pada tahap tinggi kecuali item EKA6 memperoleh nilai min pada tahap sederhana iaitu 3.63. Efikasi kendiri sosial juga menunjukkan kesemua item memperoleh nilai skor min pada tahap tinggi kecuali pada item EKS1 mempunyai nilai min pada tahap sederhana iaitu 3.67. Namun begitu, bagi efikasi kendiri emosi terhadap empat item yang berada pada tahap sederhana iaitu item EKE3 memperoleh nilai skor min iaitu 3.66, EKE6 memperoleh nilai skor min iaitu 3.55 dan EKE7 memperoleh skor min 3.64 dan EKE8 memperoleh nilai skor min 3.49.

**Jadual 3: Analisis Faktor-faktor Bagi Tahap Efikasi Kendiri**

<b>Penerangan</b>		<b>Nilai Min</b>
<b>Efikasi Kendiri Akademik</b>		
EKA1	Saya meminta bantuan jika mengalami masalah dalam tugas	4.22
EKA2	Saya boleh memberikan tumpuan di dalam kelas walaupun ada perkara yang lebih menarik perhatian	3.79
EKA3	Saya memahami bab yang masuk dalam ujian	3.71
EKA4	Saya berjaya menghabiskan tugas yang diberikan mengikut tempoh yang telah ditetapkan	4.4
EKA5	Saya memberi perhatian di dalam kelas setiap hari	3.83
EKA6	Saya berjaya memahami kesemua subjek yang diambil	3.63
EKA7	Saya berjaya meyakinkan ibu bapa dengan melakukan tugas yang diberikan dengan baik	4.26
EKA8	Saya yakin untuk berjaya lulus dalam peperiksaan	4.34
<b>Efikasi Kendiri Sosial</b>		
EKS1	Saya terus memberikan pandangan walaupun terdapat rakan sekelas yang tidak setuju dengan saya	3.67
EKS2	Saya boleh menjadi kawan kepada yang lain	4.28
EKS3	Saya boleh berbual dengan orang yang tidak dikenali	3.86
EKS4	Saya boleh bekerjasama dengan rakan sekelas	4.46
EKS5	Saya akan memberitahu rakan apabila mereka melakukan perkara yang saya tidak setuju	3.88
EKS6	Saya boleh melawak dengan rakan sekumpulan	4.47
EKS7	Saya boleh berkawan dengan orang lain	4.39
EKS8	Saya boleh mengelakkan diri daripada berlakunya perbalahan/pergaduhan dengan rakan yang lain	4.19
<b>Efikasi Kendiri Emosi</b>		
EKE1	Saya boleh menceriakan diri apabila berlaku perkara yang tidak diinginkan	3.97
EKE2	Saya boleh kembali bertenang sekiranya berlaku perkara yang menakutkan/membimbangkan	3.76
EKE3	Saya boleh mengawal diri daripada berlaku perasaan gementar	3.66
EKE4	Saya boleh mengawal perasaan ketika berasa sedih	3.71
EKE5	Saya boleh memberikan kata semangat pada diri sendiri	4.12
EKE6	Saya memberitahu rakan apabila berasa kurang semangat	3.55
EKE7	Saya boleh mengelakkan diri daripada memikirkan perkara yang tidak menyenangkan	3.64
EKE8	Saya berjaya untuk tidak merasa bimbang tentang perkara yang mungkin berlaku	3.49

## **PERBINCANGAN**

### **Tahap efikasi sendiri bagi aspek akademik, sosial dan emosi**

Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap efikasi sendiri pelajar daripada aspek akademik, sosial dan emosi. Kajian ini penting bagi memberikan gambaran yang jelas mengenai tahap kesejahteraan diri pelajar Pendidikan Awal Kanak-kanak UNIMEL.

Melalui hasil dapatan kajian daripada responden ini, menunjukkan bahawa secara keseluruhannya pelajar-pelajar ini mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi terhadap ketiga-tiga faktor iaitu akademik, sosial dan emosi. Ini dapat dirumuskan bahawa kebanyakan item dalam soal selidik memberikan petunjuk yang baik kepada responden terhadap tahap efikasi sendiri pelajar dan tahap pencapaian akademik, sosial dan emosi. Semasa kajian dan borang soal selidik ini diedarkan, pelajar telah menghabiskan satu semester bersama-sama pensyarah subjek. Tahap efikasi sendiri pelajar bagi aspek akademik berada dalam tahap yang tinggi bagi semua item, begitu juga dengan aspek sosial.

Dapatan kajian ini mendapati bahawa bagi aspek emosi, ada beberapa item yang berada tahap yang sederhana. Pertama, item 'saya boleh mengawal diri daripada berlaku perasaan gementar', kedua, 'Saya memberitahu rakan apabila berasa kurang semangat', ketiga, 'Saya boleh mengelakkan diri daripada memikirkan perkara yang tidak menyenangkan', dan keempat, 'Saya berjaya untuk tidak merasa bimbang tentang perkara yang mungkin berlaku'. Keempat-empat elemen ini berada di tahap yang sederhana. Hal ini kerana, ia berkait dengan motivasi diri sendiri. Pelajar yang tidak mempunyai motivasi diri yang tinggi untuk rangsangan dan rancangan hidup mereka, akan menghadapi kegagalan. Kendiri emosi ini berkait dengan keadaan stres seseorang, jika seseorang menjadi stres, efikasi sendiri terhadap aktiviti yang dijalankan juga akan menjadi lebih rendah (Bandura, 1977).

## **RUMUSAN**

Hasil daripada kajian ini diharapkan para pensyarah dapat membantu meningkatkan tahap efikasi sendiri para pelajar terutamanya dalam bidang Pendidikan Awal Kanak-kanak untuk melihat serta memperbaiki kelemahan dan mencari kekuatan dalam diri para pelajar agar dapat melahirkan bakal guru pendidikan awal kanak-kanak yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi. Dapatan kajian memperlihatkan bahawa ketiga-tiga aspek tahap efikasi sendiri bagi akademik mempunyai skor min 4.03, efikasi sendiri sosial mempunyai skor min 4.15 dan skor min bagi efikasi sendiri emosi ialah .74. Kesemua skor min bagi ketiga-tiga aspek yang dinilai mempunyai tahap efikasi sendiri yang tinggi. Berdasarkan kepada dapatan kajian ini, pihak Fakulti Bahasa dan Pendidikan, bahagian Pendidikan Awal Kanak-kanak Universiti Melaka perlu sentiasa membuat penambahbaikan bagi mengekalkan tahap efikasi sendiri pelajar.

## BIBLIOGRAFI

- Al-Abyadh, M. H. A., dan Abdel Azeem, H. A. H. (2022). Academic Achievement: Influences of University Students' Self-Management and Perceived Self-Efficacy. *Journal of Intelligence*, 10(3). <https://doi.org/10.3390/jintelligence10030055>
- Amatan, M. A., dan K Han, C. G. (2019). The Influence of School'S Psychosocial Environment and the Teacher'S Self-Efficacy on the 21St Century Teaching and Learning Practices. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(32), 284-314. <https://doi.org/10.35631/ijepc.4320026>.
- Bandura, A. (1997). Self-efficacy : The exercise of control. New York: W. H. Freeman.
- Bandura, A. (1996). Social cognitive theory of human development. Dalam T. Husen dan T. n. Postlethwaitc (Eds.), *International Encyclopedia of Education* (2nd ed.). Oxford: Pergamon Press.
- Creswell, J. W. (2015). Research design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches 4th Edition. In *SAGE Publications* (Vol. 7, Issue 1). [https://www.researchgate.net/publication/269107473\\_What\\_is\\_governance/link/548173090cf22525dcb61443/download%0Ahttp://www.econ.upf.edu/~reynal/Civil](https://www.researchgate.net/publication/269107473_What_is_governance/link/548173090cf22525dcb61443/download%0Ahttp://www.econ.upf.edu/~reynal/Civil)
- David, S., dan Alan, T. (2019). Survey Research. *Anestheiosology*, 130(2), 192–202.
- Edgar, S., Carr, S. E., Connaughton, J., dan Celenza, A. (2019). Student motivation to learn: Is self-belief the key to transition and first year performance in an undergraduate health professions program? *BMC Medical Education*, 19(1), 1–9. <https://doi.org/10.1186/s12909-019-1539-5>
- Hamid, H., Baharum, M. dan Sarkowi, S. (2019). Pengaruh Efikasi Kendiri Terhadap Motivasi Dan Pencapaian Akademik Siswa Pendidik. *Jurnal Ipda*, 26.
- K. Landell, (1997) "Management by Menu," London: Wilay and Sms Inc.,
- M. Najib (2013). Reka bentuk tinjauan soal selidik pendidikan," Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed Jaafer Sadiq, F. W. dan Hassan, M. M. (2021). Konsep Kendiri dan Gaya Pembelajaran terhadap Motivasi Akademik dalam kalangan Mahasiswa. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* (MJSSH), 6(2), 75–105. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.683>
- Mostafa Zare dan Sajad Davoudi Mobarakeh (2011). The relationship between self-efficacy and use of reading strategies: the case of Iranian Senior High School Students. *Studies in Literature and Language*, 3 (3), 98-105.
- Sandra K.M.Tsang, Eadaoin K.P.Hui, dan Bella C.M.Law (2011). Self-Efficacy as a Positive Youth Development Construct: A Conceptual Review. *The Scientific World Journal*, Vol 2012(2).
- Susan Edgar, Sandra E. Carr, Joanne Connaughton dan Antonio Celenza, (2019). Student motivation to learn: is self-belief the key to transition and first year performance in an undergraduate health professions program. *BMC Medical Education*, 19, 1-9.
- Travis, J., dan Bunde, J. (2022). Self-regulation in college: The influence of self-efficacy, need satisfaction, and stress on GPA, persistence, and satisfaction. *Current Psychology*, 41(9), 6185–6195. <https://doi.org/10.1007/s12144-020-01091-7>
- Wan Hanum Suraya dan Jamal. 2019. Tinjauan Efikasi Kendiri Pelajar Berdasarkan Kategori Sekolah dan Hubungannya Dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Harian di Perak. <https://www.researchgate.net/publication/334774027>.

- Wondu Teshome Beharu (2018). Psychological factors affecting students academic performance among freshman psychology students in Dire Dawa. *University Journal of Education and Practice*, 9(4), 59-65.
- Zagoto, S. F. L. (2019). Efikasi Diri Dalam Proses Pembelajaran. *Jurnal Review Pendidikan Dan Pengajaran*, 2(2), 386–391. <https://doi.org/10.31004/jrpp.v2i2.667>
- Zainuddin, Z. A., dan Mydin Kutty, F. (2021). Hubungan Antara Efikasi Kendiri dan Motivasi Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Perempuan Jurusan STEM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(3), 180–190. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i3.716>